



TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA
Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN

MAJLIS PELANCARAN
SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2018
“Merancang untuk perubahan ke arah pembangunan yang mampan”
(Planning for Change Towards Sustainable Development)

pada:

Hari Sabtu, 07 Rabiulakhir 1440H
bersamaan 15 Disember 2018M

bertempat:

Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan

Jam:

Jam 8.00 pagi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَا وَالْمُسْلِمِينَ

سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى الْهُوَّةِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia

Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin

Timbalan Menteri Pembangunan;

Yang Mulia

Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi

Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;

Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengarah-pengarah, Pegawai –Pegawai Kanan;

Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampong;

Sidang Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

آللَّاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتُهُ

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah Subbanahu Wataála kerana dengan limpah dan kurnianya jua kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi sama-sama meraikan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 dengan tema “**Merancang untuk perubahan ke arah pembangunan yang mampan**”, dan diselajurkan dengan **Pelancaran Supplementary Guideline bagi Piawaian Perancangan Garis Bangunan serta Buku Garis Panduan, dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Perumahan edisi 2018 serta Pameran Info Day Perancangan Bandar dan Desa.**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi – setinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan kerana dapat mengungkayahkan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun ini dan juga dapat menerbitkan dua buah buku garis panduan edisi baru yang akan dilancarkan pada hari ini. Penerbitan *Supplementary Guideline* dan Buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini adalah dihasratkan untuk dapat digunakan sebagai panduan serta rujukan orang ramai khususnya bagi orang-orang yang berkelayakan (atau *Qualified Persons*) dalam menghadapkan permohonan Kebenaran Perancangan. Usaha-usaha penambahbaikan secara progresif ini sangat-sangat dialu-alukan oleh pihak Kementerian Pembangunan, dan adalah merupakan antara usaha dan inisiatif yang murni bagi mengwujudkan kemajuan yang teratur, mampan dan berdaya saing, di samping memudahkan peluang-peluang memulakan perniagaan (*Ease of Doing Business*) di negara ini khusus berkaitan dengan sektor *Dealing with Construction Permits*.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

3. Tema sambutan pada tahun ini “**Merancang untuk perubahan ke arah pembangunan yang mampan**” atau ***Planning for Change Towards Sustainable Development*** sememangnya amat relevan dan signifikan dengan usaha pihak kementerian yang kini giat dalam mengwujudkan pembangunan yang mampan bagi kesejahteraan masyarakat selaras dengan Visi Kementerian ini “***Kehidupan Berkualiti, Pembangunan Berterusan, Negara makmur***” dan juga mendokong Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023.
4. Saya difahamkan bahawa Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengemaskini **Pelan Strategik jabatan berkenaan** dengan membuat pensejajaran atau *alignment* kepada **matlamat** dan ***Core Strategy Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023*** dengan mengutamakan aspek-aspek strategik seperti ***focus area, strategic goals, KPI, Baseline, targets dan Work Plan***. Saya menyambut baik langkah positif ini dan syabas diucapkan kepada Jabatan Perancang Bandar & Desa, di atas usaha gigih ini dan diharap

jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pembangunan juga akan turut mengambil langkah yang sama dalam mengemaskinikan Pelan Strategik masing-masing. Pelan-pelan strategik Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah berteraskan ke arah pembangunan mampan yang mendokong Wawasan Negara 2035.

5. Dalam konteks perancangan bandar, **pembangunan yang mampan** bermaksud **perancangan pembangunan yang mengambil kira aspek-aspek fizikal, sosial, persekitaran dan juga ekonomi**. Kita tahu bahawa melalui fungsi perancangan, kaedah yang digunakan pada masa ini termasuklah pendekatan penzonan kawasan untuk pelbagai kegunaan, termasuk **ekonomi yang dapat menjana pendapatan negara** dengan memberikan peluang-peluang kepada Pelabur-pelabur Asing dan Pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk membuka peluang-peluang ekonomi dan perniagaan bagi menjana pertumbuhan ekonomi di Negara ini.
6. Perkara ini adalah selaras dengan **Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam** Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun pada 15 Julai 2017, di Istana Nurul Iman di mana Baginda menekankan **perlunya sektor awam dan swasta sama-sama berganding bahu mempertingkat daya inovasi dan kreativiti masing-masing, sehingga mampu menghasilkan produk atau perkhidmatan berkualiti**. Untuk mencapai objektif Wawasan Brunei 2035, adalah penting bagi Kerajaan untuk **menumpukan kemajuan terhadap sektor-sektor** yang boleh **menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK** yang lebih tinggi dan **menyumbang kepada ekonomi yang lebih dinamik dan berdaya tahan**.
7. Perancangan kawasan haruslah **menumpukan** kepada sektor-sektor yang dimaksudkan dapat **membuka lebih banyak peluang-peluang ekonomi** dan **memperluaskan perniagaan** di negara ini melalui peningkatan **pelaburan-pelaburan tempatan dan asing, aktiviti-aktiviti hiliran** dan juga **kelompok-kelompok ekonomi** (atau *economic clusters*)

selain dari industri minyak dan gas, yang juga dapat **membuka peluang-peluang pekerjaan** khusus bagi penduduk-penduduk tempatan.

8. Dalam hal ini, cadangan-cadangan yang dimuatkan dalam Pelan-Pelan Kemajuan perlu dilaksanakan secara ***Whole of Nation Approach***. Bagi **Kementerian Pembangunan**, saya berseru kepada **warga Kementerian** ini untuk **segera bangkit** dan **mengalih fokus** kepada **peranan *facilitative*** Kementerian ini dalam menyediakan ***modality*** kemajuan. Ini bermaksud untuk **memudahkan para pelabur** dan **pemaju** untuk **mengetahui segala maklumat** yang berkaitan dengan **jenis-jenis kemajuan yang dibolehkan, yuran-yuran premium yang akan dikenakan, tempoh-tempoh mendapatkan kebenaran pajakan, kebenaran perancangan, kebenaran kemajuan** dan lain-lain lagi.
9. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan, telah **menerima pelbagai permohonan dan cadangan untuk memajak tanah-tanah Kerajaan** dari pelabur dalam dan luar negeri samaada untuk tujuan **perniagaan, mixed development** atau berkaitan. Saya juga difahamkan bahawa Jabatan Perancang Bandar & Desa, memang **menyediakan tapak-tapak tanah serta telah mengenalpasti tapak-tapak tanah yang berpotensi untuk dimajukan**, misalnya di sebahagian kawasan-kawasan **Rancangan Perumahan Negara (RPN)** dan juga di **luar kawasan RPN** seperti **Sibonghutan** dan **Tanah Jambu** untuk tujuan **perniagaan, corner shops, resort, mixed development** atau yang sebanding. Setiap tapak-tapak tanah yang sudah dikenalpasti untuk aktiviti perniagaan atau perumahan, juga disediakan dengan **parameter kemajuan seperti nisbah plot, liputan plot, kepadatan dan had-had kemajuan untuk panduan pemaju atau pelabur**.
10. Bagi memastikan perlaksanaan kemajuan keatas tapak-tapak tanah kerajaan yang telah dikenal pasti untuk diberikan kepada pengusaha-pengusaha atau pelabur-pelabur yang berminat, **keadilan dan kesaksamaan** dalam mengagihkan kawasan-kawasan ini adalah penting. Jabatan Perancang Bandar & Desa perlu mencari kaedah yang sesuai untuk diguna-pakai di Negara kita ini dengan mengambil kira good practises atau amalan yang

baik yang telah digunakan oleh Negara-negara maju seperti keadah-keadah Pajakan Tanah bagi tempoh tertentu melalui ***Open-Bidding*** atau mana-mana keadah yang difikirkan sesuai di Negara ini.

11. Ke arah ini, saya cadangkan bagi pembentukan satu **Badan Petugas** (atau ***Task Force***) yang terdiri dari **jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini dan juga agensi-agensi yang relevan termasuk GLCs** untuk **meneliti** perkara ini, ke arah menyediakan satu **mekanism, Modus Operandi** atau ***Standard Operating Procedure*** bagi pendekatan Pajakan Tanah melalui proses *Open-Bidding* atau mana-mana keadah yang difikirkan sesuai di Negara ini. Ini termasuklah **proses kaedah penilaian** serta kaedah **pelupusan tanah (mechanism of land release)** yang melibatkan tanah-tanah Kerajaan secara **telus** yang dapat **menyumbang** kepada **peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK yang lebih tinggi**.
12. Dalam hal yang sama juga, **pihak swasta** pula perlu tampil ke hadapan untuk sama-sama **memainkan peranan masing-masing** dalam **merealisasikan cadangan-cadangan** pelan-pelan kemajuan, **tanpa terlalu bergantung harap** kepada pihak Kerajaan. Kaedah-kaedah yang sudah kitani dengar seperti ***Public-Private Partnership (PPP), Request For Proposal (RFP), Expression of Interest (EOI), Private Financing Initiative (PFI)*** perlu dipraktikkan segera. Negara ini **memerlukan pembangunan yang lebih pesat** untuk memastikan visi atau Wawasan Brunei 2035 menjadi **realiti**. Perancangan demi perancangan telah dibuat dan tapak-tapak kosong sudah ada, namun masih terdapat *missing link* di antara perancangan dan pelaksanaan; kita yakin tapak-tapak yang dicadangkan mampu menghasilkan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan melalui keadah-keadah yang sesuai.

Hadirin hadirat sekalian

13. Untuk mencapai matlamat pembangunan mampan, **perlu ada perubahan** dari segi **pendekatan dalam penggunaan tanah** bagi memastikan kehidupan manusia yang aman,

selesa dan harmoni. Kita harus **peka** bahawa **perancangan guna tanah yang effisien** boleh membantu **menyelaras guna tanah negara secara komprehensif**, melalui **penzonan** kawasan-kawasan perniagaan, perumahan, taman, kawasan hijau serta riadah, juga industri, sekolah dan lain-lain. Ini, tidak lain bertujuan untuk **menghasilkan persekitaran** yang **kondusif** dan **bersepadu** serta **pengagihan** penggunaan tanah negara secara lebih **optima**. Melalui perancangan juga, kawasan yang mempunyai **sumber semulajadi** yang berkualiti seperti kawasan pertanian yang **berpotensi untuk mengeluarkan hasil pertanian** dapat **dikekalkan** dan **dijadikan mata pencarian** penduduk setempat. Perancangan guna tanah yang baik, secara tidak langsung juga dapat menyediakan **peluang-peluang pekerjaan** yang dapat **mengubah gaya hidup masyarakat** demi mencapai taraf kehidupan yang lebih terjamin, aman dan makmur.

Hadirin hadirat sekalian,

14. Dari segi **kemajuan** pula, **objektif** utama adalah untuk memastikan **kualiti persekitaran** yang mampan melalui keberkesanan dalam mengurus kemajuan. Bersandarkan kepada **Perintah Perancangan Bandar & Desa 2015**, langkah-langkah **penguatkuasaan** akan **dimantapkan** lagi dengan melaksanakan peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Perintah tersebut secara bersepadu dengan agensi-agensi yang berkenaan termasuk orang awam.
15. Dalam hal ini didapati **masih ramai orang kita yang kurang peka** terhadap undang-undang Perancangan Bandar dan Desa di mana **kadar pelanggaran peraturan masih lagi ditahap** yang **tinggi**. Sebagai contoh sahaja, pada masa ini didapati kerja-kerja tambahan rumah atau sesuatu kemajuan tanpa mendapat kebenaran bertulis dari pihak-pihak Autoriti yang berkenaan, semakin berleluasa. Perkara ini **sepatutnya tidak berlaku sekiranya** Autoriti yang menjaga kebenaran Perancangan dan juga Kebenaran Kemajuan **mengambil langkah proactive dan positif** dalam memberiagakan peraturan-peraturan yang ada dari masa kesemasa kepada pihak-pihak yang berkenaan serta orang awam dan mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan **surat-surat amaran** sekiranya terdapat pelanggaran

peraturan berlaku. **Kes-kes serius** perlulah dibawa ke **mahkamah untuk pendakwaan**. **Langkah** ini boleh menjadi penghalang atau **deterrent** kepada orang ramai daripada melakukan pelanggaran undang-undang Perancang Bandar & Desa yang mungkin kurang jelas kepada mereka.

16. Jabatan Perancang Bandar & Desa, melalui **Kementerian Pembangunan** perlu mengadakan **lebih banyak promosi dan kempen-kempen kesederhanaan** untuk **meningkatkan kefahaman orang awam** tentang perkara-perkara yang menyalahi undang-undang serta memantapkan lagi prosedur dan mekanisma pelaksanaan pendakwaan dengan mengadakan **dialog** bersama agensi-agensi yang berkenaan **khususnya yang melibatkan perundangan dan penguatkuasaan**. Jabatan Perancang Bandar & Desa, berserta pihak ABCi perlu **memberikan kepentingan mematuhi perancangan dan undang-undang** secara berterusan melalui **publisiti** radio dan televisyen dan juga media sosial.
17. Di samping itu juga, Jabatan Perancang Bandar & Desa perlu **menyediakan garispanduan standard yang mudah difahami** seperti peraturan-peraturan menambah rumah di semua kawasan termasuk di kawasan Rancangan Perumahan Negara untuk panduan QPs dan orang awam. Dalam hal ini, saya **menyambut baik usaha Jabatan Perancang Bandar & Desa** dalam **menyediakan** pelbagai **garispanduan** yang berkaitan dengan kemajuan yang sentiasa dikemaskinikan mengikut aliran masa dan keadaan. Penyediaan garispanduan yang terkini dan tindakan penguatkuasaan yang effektif dan berterusan juga dapat menjamin pembangunan yang mampan bagi sebuah negara.
18. Justeru itu, Dua jenis garispanduan yang akan kita lancarkan pada hari ini, iaitu *Supplementary Guideline* bagi Piawaian Perancangan Garis Bangunan serta Buku Garis Panduan, dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Perumahan edisi 2018 **merupakan langkah yang baik** kerana ianya adalah **responsive** kepada **peredaran masa** serta **keperluan orang awam**.

19. Ini adalah perlu bagi memastikan piawaian perancangan yang digunakan adalah sentiasa **relevan kepada kehendak semasa** khususnya dihasratkan akan menyumbang di dalam **peningkatan kualiti kemajuan kepada yang lebih teratur dan mampan**. Antara perkara-perkara baru yang difokuskan dalam Garispanduan edisi 2018 ini ialah tambahan jenis-jenis kemajuan perumahan baru seperti Perumahan Bersambung (atau *Linked-House*) dan Perumahan Kluster (atau *Cluster Housing*), serta beberapa pindaan kepada parameter perancangan dan keperluan teknikal yang lain khusus berkaitan dengan penyediaan infrastruktur berkenaan.
20. Selain dari itu, saya juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perancang Bandar & Desa pada masa ini sedang **giat membuat rebiu** ke atas beberapa **buku garis panduan** dan **piawaian perancangan** bagi kemajuan **industri** dan **perniagaan** serta permohonan **pemecahan** dan atau **penyatuan** tanah. Saya amat **menyambut baik inisiatif** yang sedang dijalankan dan berharap bahawa dengan penerbitan buku-buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan berkenaan itu nanti, kualiti kemajuan dan alam bina akan dapat meningkatkan **mutu** dan **kualiti rekabentuk** dan **susunatur bangunan** di negara ini, disamping meningkatkan **kualiti kehidupan** serta dapat **meningkatkan** aspek-aspek **keselamatan, kesihatan, sekuriti dan alam sekitar** (atau HSSE).

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah serta syabas kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa di atas kejayaan di dalam memperolehi pengiktirafan **tiga bintang melalui Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang ke 25 pada bulan Oktober** yang lalu. Saya berharap dengan kejayaan ini ianya akan menjadi *benchmark* bagi memacu kejayaan yang lain khusus di dalam menjana perubahan ke arah kemajuan yang mampan serta peningkatan mutu perkhidmatan kepada orang ramai yang progresif dan berdayatahan.

22. Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba/saya tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa kerana mengundang saya selaku Tetamu Kehormat di Majlis ini, dan juga ucapan tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, terutama kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 pada tahun ini.

23. Dengan kalimah  serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataála serta Salawat dan Salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallalahaihisalam, saya dengan ini melancarkan buku **Supplementary Guideline bagi Piawaian Perancangan Garis Bangunan serta Buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Perumahan edisi 2018 serta Pameran Info Day Perancangan Bandar dan Desa**, pada hari ini Sabtu, 25 rabiulaakhir 1440 Hijriah bersamaan dengan 15 Disember 2018 Masehi.

Sekian wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullah.